



● **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** mendengar sesuatu yang dinyatakan oleh **Timbalannya, Datuk Musa Hitam** di mesyuarat **Majlis Tertinggi Umno** di **Kuala Lumpur**, semalam.

Setiausaha Kerja Umno, Encik Kamarulzaman Bahadan (kanan) turut sama mendengar perubahan kedua pemimpin agung itu.

Foto Berita Minggu oleh Othman Yakob.

Rombakan Kabinet akan diadakan bulan depan: PM

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** berkata, rombakan Kabinet akan diadakan **Mei** ini.

Mengumumkan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat **Majlis Tertinggi Umno** di sini tengah hari ini, beliau menambah, rombakan kabinet itu perlu kerana tiga Menteri telah meletakkan jawatan.

Mereka ialah Menteri Pengangkutan, **Datuk Lee San Choon**; Menteri Kebudayaan, **Bella** dan **Sukan, Datuk Mokhtar Hashim** dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Datuk Haji Mohamad Nasir**.

Datuk Lee telah meletakkan jawatannya, tetapi tempohnya berakhir 1 Mei dan begitu juga **Datuk Haji Mohamad Nasir**, manakala perletakan jawatan **Datuk Mokhtar** diterima **Datuk Merta Rabu** lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, "Memandangkan dua Menteri itu mengakhiri tempoh perkhidmatannya akhir bulan ini maka adalah kurang wajar saya mengumumkan rombakan kabinet bagi menggantikan **Datuk Mokhtar** sekarang ini."

Difahamkan, rombakan Kabinet kali ini ada-

lah yang terbesar dibuat oleh Perdana Menteri sejajar dengan semangat **Bersih, Cekap dan Amanah**.

Antara yang disebut-sebut akan menjadi Menteri penuh ialah **Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim** dan **Timbalan Menteri Kewangan, Dr Ling Liong Sik** bagi mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh **Datuk Lee**.

Manakala **Datuk Haji Mohamad Nasir** dijangka digantikan oleh tokoh dari parti **Berjasa** sama ada sebagai **Timbalan Menteri** atau **Menteri penuh**.

Mengenai kedudukan **Datuk Lee** pula, **Perdana Menteri** berkata, beliau telah memujuk **Datuk Lee** supaya menarik semula keputusannya, tetapi beliau tetap dengan pendiriannya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia